

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership*. Adakah perjanjian ini dapat menjamin akses kepada ubat genetik memandangkan ada percubaan daripada beberapa negara untuk menggunakan bab harta intelek untuk memanjangkan monopolii ubat-ubatan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India.

2. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan telah diadakan dan sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 11 bab atau *Working Groups*, dengan izin iaitu:

- i. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- ii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iii. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF)
- iv. *Institutional Provisions*;
- v. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- vi. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vii. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan;
- viii. Perkhidmatan Telekomunikasi (TEL);
- ix. Hak Harta Intelek (IPR);
- x. Isu Undang-Undang dan Institusi (LII), dan
- xi. Perdagangan Barang (TIG),

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Klang, rundingan Bab Harta Intelek dalam RCEP telah dimuktamadkan sewaktu pusingan ke-28 di Da Nang, Vietnam dari 19 hingga 27 September yang lalu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian, Bab Harta Intelek dalam Perjanjian ini tidak mempunyai sebarang peruntukan yang membentarkan monopoli secara berpanjangan keatas ubat-ubatan baru.

Sekian, terima kasih.